



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 40 TAHUN 2013**

---

**PENGGABUNGAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN SISWAZAH DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
LEPASAN DIPLOMA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penggabungan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) kepada skim perkhidmatan bersepadu iaitu skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

**LATAR BELAKANG**

2. Selaras dengan hasrat kerajaan yang menyasarkan peningkatan kelayakan guru ke peringkat ijazah sarjana muda melalui Program Pensiswazahan Guru, kesinambungan perkhidmatan dan penambahbaikan laluan kemajuan kerjaya profesion

keguruan, kerajaan telah bersetuju untuk menggabungkan skim perkhidmatan PPS dan PPPLD menjadi skim perkhidmatan bersepadu PPP yang merangkumi Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

### **SKIM PERKHIDMATAN PPP**

3. Skim perkhidmatan bersepadu PPP melibatkan pindaan-pindaan kepada perbekalan skim perkhidmatan PPS dan PPPLD sedia ada seperti berikut:

- (a) gred jawatan/gred gaji skim perkhidmatan ini ialah Gred DG29, DG32, DG34, DG38, DG41/42, DG44, DG48, DG52, DG54;
- (b) pemansuhan Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) bidang di peringkat ijazah dan diploma dalam syarat lantikan skim perkhidmatan sedia ada;
- (c) penambahan syarat kelayakan masuk di peringkat ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD); dan
- (d) peningkatan pegawai di Kumpulan Pelaksana Gred DG29, DG32, DG34 dan DG38 ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional melalui kaedah kenaikan pangkat ke Gred DG42 tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan.

4. Berdasarkan pindaan seperti di atas, syarat lantikan skim perkhidmatan PPP adalah seperti berikut:

- (a) **Kelayakan Untuk Lantikan ke Gred DG29**
  - (i) diploma dalam bidang perguruan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG29: RM1,589.00); atau

- (ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG29: RM1,735.44).

(b) **Kelayakan Untuk Lantikan ke Gred DG41**

- (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,018.52); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,222.94); atau

- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,222.94); atau

- (iv) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,733.98).

- (v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM3,040.60).

5. Selain itu, melalui skim perkhidmatan bersepadu ini, kenaikan pangkat pegawai ke Gred DG38 tidak lagi dikhususkan kepada **jawatan Guru Besar Cemerlang Sekolah Rendah dan Guru Besar Sekolah Kluster (Sekolah Rendah)** sahaja. Keputusan ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan berhubung kaedah kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan kepada PPPS dan PPPLD yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 melalui Surat JPA rujukan JPA.BK(S)255/4/5 Jld.5 (56) bertarikh 13 April 2012 – Penetapan Kaedah Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan bagi PPPS dan PPPLD di KPM.

6. Skim perkhidmatan bersepadu PPP adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran C**.

## **PELAKSANAAN**

7. Semua PPPS dan PPPLD dilantik secara tetap termasuk mereka yang dalam tempoh percubaan serta memilih opsyen Sistem Saraan Malaysia akan dipindahkan secara gred ke gred ke skim perkhidmatan PPP seperti berikut:

Skim Perkhidmatan Sedia Ada		Skim Perkhidmatan Baharu	
PPPS	<b>Gred</b>	PPP	<b>Gred</b>
	DG54		DG54
	DG52		DG52
	DG48		DG48
	DG44		DG44
	-		DG42
	DG41		DG41
PPPLD	DGA38	DG38	
	DGA34	DG34	
	DGA32	DG32	
	DGA29	DG29	

8. PPPS Gred Utama/Khas masing-masing akan dipindahkan ke gred yang sama dalam skim perkhidmatan PPP.

9. Jabatan ini (Bahagian Pembangunan Organisasi [BPO]) akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Senarai Perjawatan sedia ada. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai PPP hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

#### **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

10. Pegawai akan ditawarkan penetapan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau

- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (c) pada gaji permulaan kelayakan ijazah sarjana atau PhD bagi pegawai yang memiliki kelayakan berkenaan jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan ijazah sarjana atau PhD.

11. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

#### **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

12. Urusan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa, termasuk Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

13. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2014**.

#### **PEMBATALAN**

14. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan PPPS dan PPPLD sedia ada dibatalkan seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan PPS di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002; dan
- (b) skim perkhidmatan PPPLD di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2007.

## **PEMAKAIAN**

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

16 Disember 2013

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENDIDIKAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>DG29, DG32, DG34, DG38, DG41/42, DG44, DG48, DG52, DG54</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 JANUARI 2014</b>

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DG29**

- (c) (i) diploma dalam bidang perguruan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG29: RM1,589.00); atau

- (ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG29: RM1,735.44); atau

**KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DG41**

- (d) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,018.52); atau



- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,222.94); atau

- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,222.94); atau

- (iv) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,733.98); atau

- (v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM3,040.60).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred DG29 atau DG41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja dan kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

- 4. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 atau DG41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

- 5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

- 6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG32**

10. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG32**

11. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG29;
  - (d) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;
  - (e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG34**

12. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 yang kosong apabila telah:

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA *TIME-BASED*  
BERASASKAN  
KECEMERLANGAN  
KE GRED DG34**

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

13. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG32;
- (c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED DG38**

14. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG38 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA *TIME-BASED*  
BERASASKAN  
KECEMERLANGAN  
KE GRED DG38**

15. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG38 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun di Gred DG34;
- (c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED DG42**

16. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29, DG32, DG34, DG38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG42 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memiliki kelayakan di perenggan 1(d) di atas; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED DG44**

17. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA *TIME-BASED*  
BERASASKAN  
KECEMERLANGAN  
KE GRED DG44**

18. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG41/42;
  - (d) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;
  - (e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED DG48**

19. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA *TIME-BASED*  
BERASASKAN  
KECEMERLANGAN  
KE GRED DG48**

- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;  
dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

20. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG44;
- (c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;  
dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED DG52**

21. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;  
dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA *TIME-BASED*  
BERASASKAN  
KECEMERLANGAN  
KE GRED DG52**

22. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun di Gred DG48;
- (c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;  
dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED DG54**

23. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA *TIME-BASED*  
BERASASKAN  
KECEMERLANGAN  
KE GRED DG54**

24. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun di Gred DG52;
  - (c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;
  - (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED KHAS YANG  
LEBIH TINGGI**

25. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 yang menunjukkan kecemerlangan terkemuka mutunya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

26. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma yang berkuat kuasa pada 1.7.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2007).

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

## Lampiran C

### JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2014

(RM SEBULAN)

<b>KOD GAJI KOMPUTER SSM</b>	<b>GREDE GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
SSM305DG54000	DG54	5,840.00	11,864.00	320.00
SSM305DG52000	DG52	5,538.00	11,194.00	290.00
SSM305DG48000	DG48	4,922.00	10,560.00	270.00
SSM305DG44000	DG44	3,371.00	9,414.00	250.00
SSM305DG42000	DG42	1,917.00	8,652.00	225.00
SSM305DG41000	DG41	1,917.00	8,652.00	225.00



**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2014**

(RM SEBULAN)

<b>KOD GAJI KOMPUTER SSM</b>	<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
SSM305DG38000	DG38	3,457.00	7,051.00	195.00
SSM305DG34000	DG34	3,397.00	5,797.00	165.00
SSM305DG32000	DG32	2,731.00	5,457.00	155.00
SSM305DG29000	DG29	1,589.00	5,137.00	145.00